

# Pelajar UTHM sertai misi ke Vietnam

## Malaysia negara tunggal diundang untuk terlibat dalam misi sukarelawan tahunan

**BATU PAHAT** – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mengharumkan negara apabila seorang pelajarnya terpilih menyertai misi sukarelawan ke Vietnam.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, pelajar berkenaan, Mohamad Zhairul Iqumal Jumari, merupakan pelajar tahun dua Pusat Pengajian Diploma UTHM.

Katanya, Mohamad Zhairul terpilih menyertai Misi Sukarelawan Siswa Yayasan Sukarelawan Malaysia (YSS) Green Summer Volunteer Campaign di Vietnam pada 13 Julai hingga 10 Ogos depan.

"Misi berkenaan melibatkan Daerah Nha Be dan Wilayah Long An di Vietnam, di mana Green Summer Volunteer Campaign adalah satu daripada lima kempen utama digerakkan Ho Chi Minh City Youth

Union dan Persatuan Pelajar Vietnam.

"Ia bertujuan memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan rakyat negara itu. Malaysia adalah negara tunggal yang diundang untuk turut terlibat dalam misi tahunan berkenaan."

"Muhamad Zhairul Iqumal sebelum ini juga pernah menyertai Misi Sukarelawan YSS ke Batang Lupar, Sarawak, bersama tiga pelajar UTHM yang lain pada

23 Mac sehingga 5 April 2014," katanya

Sementara itu, Pengerusi YSS, Datuk Zuraidah Atan berkata, misi kali ini lebih mencabar kekuatan fizikal dan mental kerana mereka akan menjalani ibadat puasa dan menyambut Aidilfitri di negara berkenaan.

Katanya, selama sebulan tersebut, peserta perlu menetap bersama keluarga angkat dan menjadi Duta Kecil Malaysia di sana.

"Selain menjalin dan mengerakkan hubungan persahabatan serta jaringan dengan masyarakat di sana, peserta turut berpeluang mempelajari adat serta amalan masyarakat Vietnam yang menjadikan kerja sukarelawan sebagai satu budaya,"

"Sebelum menyertai misi tersebut, Mohamad Zhairul Iqumal perlu mengikuti Pre-Departure Training selama tiga hari di Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi

(AKEPT), Bandar Enstek, Negeri Sembilan yang diadakan pada 9 hingga 11 Julai 2014.

"Peluang Mohamad Zhairul Iqumal Jumari mengikuti misi sukarelawan ke Vietnam ini diharap dapat menggalakkan lagi budaya sukarelawan dalam kalangan pelajar UTHM dalam membantu masyarakat di peringkat komuniti, daerah, negeri, negara dan di peringkat antarabangsa," katanya.